

Warta **102** Konvo

Edisi 13 September 2025

**TIGA SRIKANDI
KEBANGGAAN
MASS COMM UiTM**

**PENGIKTIRAFAN
TERHADAP GRADUAN BUKTI
UiTM DIYAKINI INDUSTRI**

**UiTM MELAKA PASTIKAN GRADUAN
BERSEDIA BERSAINGAN PASARAN KERJA**

SEKALIPUN TIADA DI SISI, IBU SENTIASA MENJADI INSPIRASI



oleh : Aidil Adha Abdullah

Sukar untuk dibayangkan, bagaimana agaknya perasaan jika insan tersayang terutamanya yang kita panggil “ibu”, “mama”, “umi” atau “mak” kembali ke rahmatullah, hanya dua hari sebelum peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) berlangsung.

Namun itulah yang dialami Nurshafiqah Yusrina Sharul Nizam tetapi berkat doa ibunya, Allahyarham Siti Radzeah Rahmat membuatkan Yusrina terus cecal dan kini dia boleh berbangga selepas berjaya menamatkan pengajian Diploma Komunikasi dan Media UiTM.

Allahyarhamah ibunya juga merupakan seorang bekas wartawan di BERNAMA dan ia menjadi satu inspirasi buat Yusrina untuk meneruskan pengajian di peringkat ijazah dalam bidang kewartawanan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Shah Alam.

“Walaupun ayah dan arwah ibu

tidak berkesempatan menemani saya hari ini, namun kakak sulung saya tetap sentiasa ada bersama. Saya tetap gembira,” katanya ketika ditemui selepas sidang ke 16 Istiadat Konvokesyen UiTM ke 102 di Dewan Agung Tuanku Canselor.

Yusrina membesar dalam suasana penuh dengan dunia kewartawanan. Sejak kecil, dia sering mengikuti ibunya ke pejabat BERNAMA.

“Saya dan ibu mempunyai persamaan — kami sama-sama minat menulis. Ibu pernah berkata, daripada tiga orang adik-beradik, sayalah yang paling mengikut jejak langkahnya. Mungkin kerana itu saya bertekad untuk menyambung legasinya,” ujar Yusrina.

Azimat itu menjadi pemangkin semangat untuknya terus belajar, walaupun selepas kehilangan ibu akibat kanser payudara tahap empat.

Pemergian Siti Radzeah Rahmat pada 19 Februari 2021, hanya dua hari sebelum Yusrina menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), meninggalkan luka yang dalam.

Namun, semangat dan kecintaan terhadap dunia penulisan yang diwarisi menjadikan setiap helaian kertas dan setiap baris ayat adalah tanda bahawa legasi seorang wartawan masih hidup dalam diri anaknya.

Beliau akui, kehidupan selepas ketiadaan ibunya agak mencabar dalam menyesuaikan diri dengan pengajian baharu sekaligus kehilangan doa seorang ibu.

“Sewaktu diploma saya berdepan masalah kewangan sekaligus tiada lagi doa dan sokongan dari ibu tetapi saya selalu ingat pesanan arwah, susah mana sekalipun, jika ada rezeki, belajar,” ujarnya dengan penuh sebak.

Selepas menamatkan diploma, Yusrina kini dikatakan melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda kewartawanan sambil memikul tanggungjawab menjaga adiknya yang masih bersekolah.

Bagi Yusrina, hidup dan legasi kewartawanan yang mengalir dalam dirinya perlu diteruskan.

Beliau berpegang dengan dua moto iaitu “*Put yourself as main priority*” dan kata arwah ibunya “*You’ll never walk alone*”.

“Mak saya pernah pesan, kita takkan pernah benar-benar keseorangan. Walau seorang saja yang bersama, kita tetap tidak akan sendiri. Itu yang saya pegang sampai sekarang,” katanya sebak.

